



|                               |                                    |
|-------------------------------|------------------------------------|
| <b>JAWATAN:</b>               | PENSYARAH KANAN (GRED DS51)        |
| <b>SKIM PERKHIDMATAN:</b>     | PENSYARAH UNIVERSITI               |
| <b>KLASIFIKASI:</b>           | PERKHIDMATAN PENDIDIKAN            |
| <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN:</b> | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL         |
| <b>TARAF JAWATAN:</b>         | TETAP                              |
| <b>LOKASI:</b>                | UTM JOHOR BAHRU / UTM KUALA LUMPUR |

**GAJI:**

Jadual Gaji Minimum-Maksimum: RM5,855.00 - RM12,445.00  
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan: RM290.00

**ELAUN:**

Imbuhan Tetap Keraian: RM600.00 sebulan  
Imbuhan Tetap Perumahan: RM700.00 sebulan  
Bantuan Sara Hidup: RM300.00 sebulan - UTM Johor Bahru  
RM300.00 sebulan - UTM Kuala Lumpur  
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal: 5% dari gaji pokok (tertakluk kepada kelayakan)

**SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh permohonan;
- c) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN (KHAS) UTM BAGI JAWATAN STAF AKADEMIK:**

1. Calon perlu memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan bahasa dalam Sijil Pelajaran Malaysia:-
  - a) **Bahasa Malaysia/Melayu : Kepujian 1-4;**
  - b) **Bahasa Inggeris : Kepujian 1-4**Calon hanya akan diberi pengecualian syarat Bahasa Inggeris sekiranya:-
  - i) Calon berkelulusan PhD/Sarjana khususnya dari IPT Luar Negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar atau;
  - ii) Calon memperolehi skor dalam IELTS>6.5 atau TOEFL>600\*\*  
*\*\*Untuk calon lantikan jawatan Pensyarah atau Guru Bahasa Inggeris, calon perlu menduduki IELTS dan mendapat skor 6.5 ke atas.*
3. Syarat asas pelantikan Pensyarah Kanan DS51 di UTM adalah memperolehi **PNGK : 3.50 dan ke atas** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda**.

**CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah menggunakan borang permohonan UTM beserta *Curriculum Vitae*, salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN.
2. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang TIDAK LENGKAP tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
3. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga di peringkat Fakulti yang berkenaan.
4. Segala dokumen permohonan hendaklah dihantar mengikut alamat berdasarkan jawatan yang dipohon.
5. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan / Badan-badan Berkanun / Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini.
6. Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang jawapan dari pihak Universiti Teknologi Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan, bermakna permohonan tersebut adalah dianggap tidak berjaya.
7. PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:** Terbuka